

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

BLOK C UTARA, PUSAT BANDAR DAMANSARA, KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

TEL : 03-20945222 FAX : 03-20954239

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LPP(B)5/6 Jld.4 (70)

Tarikh :

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

BILANGAN 2 TAHUN 2006

DASAR PERAKAUNAN HASIL JUALAN TANAMAN PELADANG-PELADANG

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan untuk diterimapakai oleh Pertubuhan Peladang (PP) dalam mengakaunkan pendapatan hasil jualan terus tanaman oleh Peladang-peladang kepada pembeli-pembeli di dalam Penyata Kewangan PP.

2. ISU DAN KESAN AMALAN SEKARANG

2.1 Pada masa ini terdapat PP yang mengiktiraf pembayaran jualan hasil tanaman seperti tanaman padi kepada petani/peladang bagi pembelian yang dibuat oleh pihak prinsipal seperti Bernas sebagai hasil jualan barangan urusniaga.

2.2 Tatacara perakaunan yang amalkan oleh Pertubuhan Peladang adalah:

a) Apabila penyata jualan dan terimaan tunai diterima daripada pihak ketiga

Debit: Tunai
Kredit: Pendapatan Jualan padi

b) Apabila pembayaran tunai dibuat kepada peladang,

Debit: Belian padi
Kredit: Tunai

2.3 Kesan daripada amalan ini menyebabkan baki jumlah perolehan urusniaga hasil tanaman yang diakaunkan sebagai pendapatan adalah terlalu besar sehingga mencapai nilai jutaan ringgit sedangkan PP hanya terlibat dalam urusan pembayaran kepada petani-petani bagi pihak entiti lain sahaja.

3. AMALAN PERAKAUNAN YANG DIBENARKAN

- 3.1. Mengikut definisi berdasarkan piawaian perakaunan yang diterima umum, **istilah hasil jualan barangan** adalah aliran masuk kasar manfaat ekonomi bagi sesuatu tempoh yang diperolehi daripada perjalanan aktiviti biasa yang mana Pertubuhan telah memindahkan risiko dan ganjaran yang signifikan daripada pemilikan barangan kepada pembeli. Barangan disini adalah termasuk barangan yang dikeluarkan bagi tujuan jualan dan belian barangan untuk jualan semula.
- 3.2. Oleh yang demikian, amaun yang dikutip bagi pihak prinsipal bukan merupakan manfaat ekonomi yang diterima oleh Pertubuhan dan tidak menyebabkan peningkatan ekuiti. Sebaliknya, hasil yang perlu direkodkan ialah amaun komisen atas perkhidmatan yang dijalankan. Ini adalah kerana dalam hal ini, Pertubuhan tidak memiliki langsung hasil tanaman berkenaan. Peladang atau petani sendiri yang menghantar kepada pihak prinsipal dan dengan kupon yang diperolehi daripada pihak pembeli, maka pembayaran pendahuluan pada nilai amaun yang sama akan dibuat oleh PP. Kedudukan ini menjelaskan bahawa Pertubuhan hanya bertindak sebagai agen pembayaran sahaja yang mana amaun penjualan dan pembelian sebenarnya adalah sama.
- 3.2. Sebarang perjanjian urusanniaga penerimaan tunai hanya dibuat di antara PP dengan pihak prinsipal sahaja.

4. ARAHAN PERLAKSANAAN

- 4.1. Bagi memastikan pematuhan piawaian perakaunan yang betul dikuatkuasakan, maka Pertubuhan Peladang yang melaksanakan perkhidmatan berkaitan mesti menerimapakai kaedah perakaunan yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Semua aktiviti pembayaran hasil tanaman yang dibuat kepada Peladang bagi pihak prinsipal atau lain-lain badan perniagaan tanpa melibatkan sebarang pindahan risiko atau ganjaran yang signifikan, maka hasil tersebut mestilah diakaunkan sebagai Pendapatan komisen dan bukan pendapatan hasil jualan.
- b) Tatacara perakaunan yang perlu diamalkan adalah:
- i. Apabila Pembayaran diterima daripada Pihak Prinsipal
- | | |
|----------------|--------------------|
| Debit: | Tunai |
| Kredit: | Terimaan terdahulu |

ii. Apabila pembayaran dibuat kepada peladang;

Debit: Terimaan Terdahulu

Kredit: Tunai

iii. Apabila pembayaran atas perkhidmatan diterima daripada pihak prinsipal;

Debit: Tunai

Kredit: Pendapatan Komisen Hasil tanaman

c) PP perlu mendedahkan dasar perakaunan yang digunakan untuk mengiktiraf hasil-hasil yang diperolehi di dalam nota kepada akaun.

4.2. Panduan ini mesti dibentangkan di dalam mesyuarat Jemaah Pengarah untuk diterimapakai. Pengurus Besar adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pematuhan Arahan ini bagi memastikan ianya selaras dengan kehendak piawaian perakaunan dan penyata kewangan PP bagi memberikan gambaran kewangan yang benar dan saksama kepada ahli-ahli peladang khususnya.

5. KUATKUASA

5.1. Arahan ini adalah diperbuat di bawah Peraturan 85, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan hendaklah diterimapakai bagi memenuhi kehendak Peraturan 67(12), Peraturan yang sama.

5.2. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa sepenuhnya mulai tahun kewangan 2006.



(DATO' NOZIR AHMAD BIN HUSSAIN)

Pendaftar
Pertubuhan Peladang